

Perkembangan Korporat

Penswastaan AmlInvestment Group Berhad ("AIGB") Dan Usaha Penstrukturan Semula Kumpulan

Penswastaan AIGB dilengkapkan pada Januari 2008, sebagai sebahagian daripada usaha menjurus kepada penubuhan platform perbankan sejagat. Langkah penswastaan itu membuka jalan untuk usaha Penstrukturan Semula Kumpulan bagi memperkemas struktur korporat kepada empat kumpulan perniagaan: Perbankan, Pengurusan Aset, Modal dan Insurans. Usaha penstrukturan semula dilengkapkan dengan Pemindahan Perniagaan aktiviti berasas dana oleh AmlInvestment Bank Berhad ("AmlInvestment") kepada AmBank (M) Berhad ("AmBank") dan AmlIslamic Bank Berhad ("AmlIslamic") pada 12 April 2008.

AmlInvestment turut memulakan usaha penyusunan semula dalaman dengan tujuan menjajarkan semula struktur pegangan saham sesetengah operasi subsidiari ("Proposed Internal Transfer") supaya terdiri daripada kumpulan Pengurusan Aset dan Modal perniagaan, mengandungi entiti yang berikut:

- i. AmlInvestment akan membeli syarikat-syarikat berikut daripada AmSecurities Holding Sdn Bhd ("AMSH"):
 - a. AmFutures Sdn Bhd, broker niaga hadapan berlesen yang dimiliki sepenuhnya oleh AMSH;
 - b. AmResearch AmResearch Sdn Bhd, subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh AMSH terlibat dalam rundingan pelaburan; dan
 - c. PT. AmCapital Indonesia, subsidiari Indonesia yang 95.58% dimiliki oleh AMSH dan dilesenkan untuk menjalankan pembrokeran saham, penaja jaminan dan pengurusan pelaburan.
- ii. AIGB akan membeli syarikat-syarikat berikut daripada AmlInvestment:
 - a. AmlInvestment Management Sdn Bhd, subsidiari pengurusan aset yang dimiliki sepenuhnya oleh AmlInvestment; dan
 - b. AmlInvestment Services Berhad, subsidiari pengurusan unit amanah yang dimiliki sepenuhnya oleh AmlInvestment.

Dengan cadangan pemindahan PT. AmCapital Indonesia kepada AmlInvestment Bank dikecualikan, Cadangan Pemindahan Dalaman telah dilengkapkan pada 1 April 2009.

Struktur baru ini membentuk asas yang memudahkan integrasi sepenuhnya fokus perniagaan dan operasi, meningkatkan usaha khusus untuk jualan-silang,

meningkatkan pengurusan aset-liabiliti, memperbaiki pengurusan risiko khusus-industri dan meningkatkan kecekapan dalam memperuntukkan dan penggunaan sumber. Kedudukan modal Kumpulan telah diperkukuh, dan ini memberikannya keupayaan daya tahan yang amat diperlukan untuk beroperasi dalam persekitaran yang lebih mencabar di tahun 2009.

Penstrukturan Semula Perniagaan Insurans Kumpulan

Tanggal 17 November 2008, Kumpulan mengkorporatkan subsidiari milik penuh di bawah nama AMAB Holdings Sdn Bhd ("AMAB Holdings"), yang berfungsi sebagai syarikat pegangan insurans yang memegang pelaburan AHB dalam AmAssurance Berhad ("AmAssurance") dan AmG Insurance Berhad ("AmG").

Pada bulan Disember 2008, Kumpulan melengkapkan penstrukturan semula perniagaan insuransnya, yang melibatkan :

- i) Perniagaan insurans komposit AmLife Insurance Berhad ("AmLife", dahulunya AmAssurance Berhad) dibahagi dua melalui pemindahan perniagaan insurans am kepada AmG; dan
- ii) Penstrukturan semula pegangan saham AmG dan AmLife melalui:
 - a) Peningkatan pegangan ekuiti sebanyak 19.0% IAG International Pty Ltd ("IAG") dalam AmG, dari 30.0% ke 49.0%;
 - b) Jualan 30.0% pegangan ekuiti IAG dalam AmLife kepada AHB; dan
 - c) Penjualan 30.0% pegangan ekuiti AmLife yang dipegang AHB kepada Friends Provident plc ("FP").

Hasil transformasi perniagaan insurans ini, membenarkan Kumpulan AHB mengorak langkah untuk menambah pengkhususan dalam perniagaan insuran am dan insuran hayatnya. Dalam pada itu, rakan kongsi strategik yang baru, FP, menyertai perniagaan insuran hayat, dan mengukuhkan kedudukan strategik IAG dalam perniagaan insuran am. Kumpulan adalah optimis bahawa perkongsian ini akan mencergaskan semula reputasinya dalam arena insuran tempatan, dan mendapat manfaat daripada pemindahan pengetahuan, pertukaran kepakaran teknikal dan kehadiran antarabangsa IAG dan FP.

Dengan ini, AMAB Holdings Sdn Bhd kini memiliki 70.0% AmLife dan 51.0% AmG. Buat masa ini, AmG dalam proses 'due diligence' untuk pembelian pegangan dalam perniagaan insuran am sebuah syarikat insuran tempatan serta pegangan dalam operasi Takafulnya.

Cadangan Pengeluaran Terbitan Saham Bumiputera 96,300,000 Saham Biasa Baru Dengan Harga RM1.00 Di Dalam Syarikat

Pada bulan Januari 2009, AHB mencadangkan pengeluaran Terbitan Saham Bumiputera 96,300,000 saham biasa baru dengan harga RM1.00 setiap satu kepada Pemegang Bumiputera yang Dikenalpasti serta layak di bawah Akta Pasaran Dana dan Perkhidmatan, 2007.

Rasional disebalik Cadangan Terbitan Khas adalah untuk menetapkan semula ekuiti Bumiputera dalam AHB ke paras sebelum penyertaan ekuiti Australia and New Zealand Banking Group Limited ("ANZ") seperti yang disyaratkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dalam memberi kelulusan kepada AHB memulakan langkah mendapatkan penyertaan ANZ.

Pada 13 April 2009, Suruhanjaya Sekuriti memberi kelulusan untuk meneruskan Cadangan Terbitan Khas dengan syarat peruntukan Saham Terbitan Khas kepada Pemegang Saham Bumiputera Dikenalpasti diluluskan Kementerian Kewangan ("MOF"). Jika Saham Terbitan Khas tidak terjual sepenuhnya kepada Pemegang Saham Bumiputera Dikenalpasti, atau MOF tidak dapat memperuntukkan Saham Terbitan Khas dalam tempoh setahun, syarat ekuiti Bumiputera yang dikenakan Suruhanjaya Sekuriti akan dilupuskan.

AHB mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa yang ke-23 pada 25 Mei 2009 di mana pemegang saham membuang undi menyokong Cadangan Terbitan Khas. AHB kemudiannya mengumumkan bahawa Cadangan Terbitan Khas itu akan ditawarkan pada harga RM2.77 setiap saham, diskaun 15.0% purata harga pasaran berwajaran dagangan untuk lima hari operasi pasaran sehingga dan termasuk 25 Mei 2009. Saham baru yang diterbitkan akhirnya akan disenarai dan disebut harga dengan Bursa Malaysia Securities Berhad selepas Cadangan Terbitan Khas lengkap.